

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD BIN HASSAN [ PAPAR ]**

**TARIKH : 6 NOVEMBER 2019 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan berapa banyak tindakan yang telah diambil terhadap nelayan-nelayan yang menggunakan bom ikan untuk menangkap ikan di laut.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penggunaan bahan letupan untuk menangkap ikan di laut boleh memusnahkan batu-batu karang yang merupakan habitat tempat ikan berteduh dan membiak. Kegiatan haram ini termasuk dalam salah satu aktiviti *Illegal, Unreported and Unregulated Fishing (IUU fishing)* yang sangat destruktif dan menjelaskan sumber perikanan. Malahan, ianya boleh mendatangkan kecederaan atau membawa kematian kepada pelakunya.
2. Merujuk Seksyen 26 Akta Perikanan 1985, kaedah menangkap ikan menggunakan ‘bom ikan’ yang disebut sebagai ‘bahan letupan’ merupakan satu kesalahan yang boleh dikenakan denda tidak melebihi RM20,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya.
3. Sejak tahun 2014 sehingga 2019, sebanyak 239 kes tangkapan bom ikan telah direkodkan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 36 kes telah didakwa di mahkamah.
4. Bagi mengekang aktiviti penangkapan ikan menggunakan bom ikan, Kementerian secara berterusan mengadakan sesi libat urus bersama nelayan setempat untuk meningkatkan kesedaran mengenai kesalahan dan risiko keselamatan kegiatan ini. Operasi penguatkuasaan juga akan ditingkatkan melalui kerjasama Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Pasukan Polis Marin dan Polis DiRaja Malaysia.

Sekian, terima kasih.